

ABDUL Shukor Husin menyerahkan replika cek RM20,000 kepada Azman Anuar bagi menaja akhbar *Utusan Melayu Mingguan* di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, semalam.



KUIM ditukar nama kepada USIM

NILAI 31 Jan. – Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini ditukar nama kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuatkuasa esok bertujuan mengelakkan kekeliruan orang ramai terhadap status institusi berkenaan.

Naib Canselornya, Datuk Dr. Abdul Shukor Husin berkata, ini kerana masyarakat tempatan dan antarabangsa mempersoalkan sama ada status KUIM lebih rendah berbanding universiti atau ia menjadi cawangan kepada universiti lain.

Beliau berkata, kekeliruan itu tidak sepatutnya berlaku kerana KUIM menerima bajet pembangunan, perjawatan dan syarat kemasukan baru sama seperti di universiti lain.

“Orang ramai keliru mengenai status KUIM kerana terdapat perkata-

an kolej sedangkan ia universiti.

“Jadi dengan menukar nama KUIM kepada USIM, ia dapat mengatasi kekeliruan yang berlaku selama ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian replika cek RM20,000 bagi menaja akhbar *Utusan Melayu Mingguan* kepada Pengarang *Utusan Melayu Mingguan*, Azman Anuar di sini hari ini.

Abdul Shukor berkata, sejak kebelakangan ini, KUIM mendapat permintaan yang tinggi daripada pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

“Kita memilih mereka yang cemerlang sahaja, bukan disebabkan mereka yang memohon tidak layak tetapi tempat yang disediakan amat terhad,” katanya.